

14 OCT 2002

Mahathir-Perniagaan/i

AHLI PERNIAGAAN BERSEDIA LABUR DI M'SIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ahli perniagaan bersedia untuk melaburkan wang mereka di Malaysia kerana mereka sudah maklum dengan negara dan dasar pro-perniagaannya.

Mereka sedar bahawa kerajaan mengamalkan pendekatan mesra perniagaan, mereka juga tahu Malaysia adalah sebuah negara yang stabil, mereka maklum akan dasar di sini dan mereka datang ke sini, kata Perdana Menteri dalam temubual yang terkandung dalam buku "Rewriting The Rules: The Malaysian Crisis Management Model" yang baru dilancarkan.

Petikan daripada buku itu disediakan kepada Bernama.

"Memanglah jumlah FDI (pelaburan langsung asing) tidak sebanyak sebelum ini. Bagaimanapun senario ini sama sahaja di mana-mana," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

Apabila ditanya sama ada Malaysia boleh mengendalikan perhubungan awamnya dengan cara yang berlainan memandangkan kepentingan persepsi pasaran, beliau berkata:

"Kita perlu memilih sama ada kita mahu menonjolkan apa yang silap agar boleh dipertimbangkan, atau kita boleh memilih, seperti kebanyakan negara, untuk berdiam diri dan meneruskan dengan sistem sedia ada yang pada akhirnya tidak berjaya menyelesaikan sebarang masalah."

"Apabila kita berbicara mengenai dagangan mata wang dan manipulasi mata wang, dunia juga akan membicarakan perkara yang sama. Apabila kita bercakap mengenai kesan globalisasi, banyak pihak kini turut berkongsi pandangan dan bercakap mengenainya.

"Jika kita hanya berdiam diri, mungkin kita hanya menjaga hal ehwal dalaman sendiri. Hari ini kita mempunyai masalah serius yang perlu dihadapi akibat daripada globalisasi dan kita tidak mampu menahannya."

"Oleh itu, kita perlu menyatakan perkara ini, sudah pastilah reaksi mereka adalah untuk menghentam kita. Kita tidak akan mampu bertahan," kata Dr Mahathir.

Di dunia ini, katanya, terdapat kumpulan manusia yang berbeza; wartawan dan kerajaan, dan ahli perniagaan.

Perdana Menteri juga berkata pada masa akan datang kerajaan hanya akan memberikan projek perniagaan kepada usahawan Bumiputera yang mempunyai tahap rekod prestasi tertinggi.

Beliau berkata sebelum ini kerajaan begitu terbuka dalam memberikan projek tanpa mengira sama ada usahawan Bumiputera itu boleh berjaya atau tidak.

"Dan, sudah pastinya berlaku penyelewengan. Pada mulanya kami merasakan mereka mampu dan mereka memulakan projek itu, tetapi kemudiannya mereka gagal. Dalam kes Indah Water misalnya, ia akhirnya menjadi sebuah syarikat bukan Bumiputera."

"Sebenarnya ia adalah wang Bumiputera dari segi mereka membeli saham," katanya.

Ia adalah antara perkara-perkara yang perlu dipantau oleh kerajaan, katanya.

"Kita perlu memilih berdasarkan kepada keupayaan dan kemahiran, oleh itu apabila Bumiputera diberikan projek, mereka akan berjaya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata tidak perlu untuk mencipta kaedah baru bagi melahirkan usahawan Bumiputera tetapi kekurangan kemahiran pengurusan di kalangan mereka perlu ditangani.

-- BERNAMA

MKO MR ZK NMO